ETIKA PENGAMAL

01

Keikhlasan dan Kerelaan Hati

PPI perlu ikhlas kerana Allah Taala ketika memberikan khidmat rawatan kepada pesakit

02

Keyakinan dan Pergantungan kepada Allah SWT

PPI perlu beriktikad bahawa keberkesanan rawatan adalah dengan kudrat dan iradat Allah Taala.

03

Melazimi Amalan Doa dan Zikir

PPI perlu melazimi amalan doa dan zikir bagi mendapatkan barakah dan pertolongan Allah selain sebagai pelindung diri.

04

Mematuhi Hukum Hakam Berkaitan Syariat

PPI perlu mematuhi hukum hakam berkaitan syariah khususnya dalam rawatan berlainan jantina dan seumpamanya.

05

Penampilan dan Imej

PPI perlu berpakaian kemas, bersih dan menutup aurat pada setiap masa.

06

Pematuhan Masa dan Janji temu

PPI perlu mematuhi masa rawatan dan janji temu yang ditetapkan

07

Bayaran Perkhidmatan

PPI perlu memaklumkan kadar bayaran yang ditetapkan kepada pesakit sebelum memulakan sesi rawatan.

BAHAYA AMAL TANPA IKHLAS

AMAL YANG BESAR, TAPI TANPA IKHLAS — BERAKHIR DI NERAKA

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata:

سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللّٰهِ اللّٰهُ صَلِّى اللّٰه عَلَيهِ وَسَلَّمُ ، يَقُولُ إِنَّ أَوَّلَ النَّاسِ يُقْضَى يَوْمَ القِيامَةِ عَلَيهِ رَجُلٌ اسْتُشْهِدَ..

1 LELAKI YANG MATI SYAHID DI JALAN ALLAH

BERPERANG DI JALAN ALLAH → NIAT ASAL: IKHLAS → NIAT SEBENAR: INGIN DIPANGGIL PAHLAWAN

Dia dibawa dan Allah menunjukan kepadanya nikmat-nikmat Nya, dan dia pun mengakuinya. Allah bertanya: Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Dia menjawab: Aku telah berperang di jalan Mu sehingga aku mati syahid. Allah menjawab: Engkau bohong! Sebaliknya engkau berperang agar engkau dipanggil pahlawan! Sesungguhnya engkau telah dipanggil dengan gelaran itu.

HUKUMANNYA!

DISERET DENGAN WAJAHNYA DI ATAS MUKA BUMI, KEMUDIAN DILEMPAR KE DALAM NERAKA.

2 LELAKI YANG MENUNTUT ILMU, MENGAJARKAN & MEMBACA AL-QURAN

MENUNTUT ILMU MENGAJAR & MEMBACA AL-QURAN → NIAT ASAL: IKHLAS → NIAT SEBENAR: INGIN DIPANGGIL ALIM & QARI'

Dia dibawa dan Allah menunjukkan nikmatNya kepadanya, dan dia pun mengakuinya. Allah bertanya: Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Dia menjawab: Aku telah mempelajari ilmu, mengajarkan ilmu dan membaca al-Quran kerana Mu. Allah menjawab: Engkau bohong! Sebaliknya engkau menuntut ilmu untuk dipanggil orang alim, dan engkau membaca al-Quran untuk dipanggil Qari'. Sesungguhnya engkau telah dipanggil dengan gelaran itu.

HUKUMANNYA!

DISERET DENGAN WAJAHNYA DI ATAS MUKA BUMI, KEMUDIAN DILEMPAR KE DALAM NERAKA.

3 LELAKI YANG DIBERI HARTA, LALU BERSEDEKAH

MELUASKAN HARTA & BERSEDEKAH DI JALAN ALLAH → NIAT ASAL: IKHLAS → NIAT SEBENAR: INGIN DIPANGGIL DERMAWAN

Dia dibawa dan Allah menunjukkan nikmatNya kepadanya, dan dia pun mengakuinya. Allah bertanya: Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Dia menjawab: Tidak aku tinggalkan sedikit pun jalan yang mana Engkau suka untuk harta dibelanjakan padanya melainkan aku membelanjakan harta aku pada jalan itu untuk Mu. Allah menjawab: Engkau bohong! Sebaliknya engkau melakukan hal itu untuk dipanggil dermawan. Engkau telah mendapat gelaran itu.

HUKUMANNYA!

DISERET DENGAN WAJAHNYA DI ATAS MUKA BUMI, KEMUDIAN DILEMPAR KE DALAM NERAKA.

PENGAJARAN
ISRAK MIKRAJ

Ilmu yang sempurna ialah yang menghubungkan bumi dan langit.

DUA SAYAP PERJALANAN ILMU

Israk membawamu mengenal dunia,
Mikraj membawamu mengenal **Tuhan.**
Keduanya lengkapkan seorang perawat sejati.

سُبْحَـٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا ٱلَّذِى بَـٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَـٰتِنَآ ۚ.

Janganlah kau menjadi perawat yang hanya berjalan di **bumi (Israk)** tanpa pernah mendaki ke **langit (Mikraj),**

Kerana Ilmu Israkmu hanya membawamu **mengenal musuh,** sedangkan Ilmu Mikrajmu akan membawamu mengenal **Raja Segala Raja.**

Bila melangkah, maka langkahlah dengan **panduan guru,**

kerana **syaitan** itu lebih kenal **jalan di bumi,** berbanding kamu yang baru memulakan perjalanan secara **sendiri.**

"PERAWAT PERLU PERSEDIAAN ROHANI & JASMANI"

SIDRATUL MUNTAHA
TITIK FANA

Sidratul Muntaha adalah **kemuncak perjalanan.**
Tiada siapa bisa sampai melainkan dengan **keizinan.**

Hatta Jibril pun **mengundur**
takut terbakar jika melawan.

Inilah **Maqam Sidratul Muntaha**
ruhanimu yang perlu kamu usahakan.

Saat meletak tangan,
hilangkan segala kudrat dan kemahuan.

"Lailahaillallah" bukan sahaja menafikan bahawa
lisanmu ada kuasa penyembuhan,

Menafikan bahawa **tanganmu** ada kekuatan,

Menafikan bahawa dengan **ilmumu,**
sihir bisa dihancurkan,

Akan tetapi peneguhan **(Isbat)** bahawa
"DIA" lah yang **menentukan.**

"TAQWA & TAWAKKAL ADALAH SENJATA DAN PERISAI PERAWAT"

HUKUM MENGAMBIL UPAH

HADIS DARI ABU SAID AL-KHUDRI R.A:

أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- كَانُوا فى سَفَرٍ فَمَرُّوا بِحَىٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ فَاسْتَضَافُوهُمْ فَلَمْ يُضِيفُوهُمْ. فَقَالُوا لَهُمْ هَلْ فِيكُمْ رَاقٍ فَإِنَّ سَيِّدَ الْحَىِّ لَدِيغٌ أَوْ مُصَابٌ. فَقَالَ رَجُلٌ مِنْهُمْ نَعَمْ فَأَتَاهُ فَرَقَاهُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فَبَرَأَ الرَّجُلُ فَأُعْطِىَ قَطِيعًا مِنْ غَنَمٍ فَأَبَى أَنْ يَقْبَلَهَا. وَقَالَ حَتَّى أَذْكُرَ ذَلِكَ لِلنَّبِىِّ -صلى الله عليه وسلم-. فَأَتَى النَّبِىَّ -صلى الله عليه وسلم- فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ. فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَاللَّهِ مَا رَقَيْتُ إِلاَّ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ. فَتَبَسَّمَ وَقَالَ « وَمَا أَدْرَاكَ أَنَّهَا رُقْيَةٌ ». ثُمَّ قَالَ : خُذُوا مِنْهُمْ وَاضْرِبُوا لِى بِسَهْمٍ مَعَكُمْ

Riwayat Muslim (5863)